



## TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG  
SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH  
TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 1444H / 2023M**

**PADA 16 JUN 2023 (JUMAAT) JAM 8:55 MALAM  
DI PUSAT KONVENTSYEN PICCA @ ARENA BUTTERWORTH**

*Bismillahirahmanirrahim,*

*Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,*

*Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'I Wal Mursalin, Saidina*

*Muhammadin Wa'ala Aalihi Wasahbihi Ajmain.*

**YB Senator Dato' Setia Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

**YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Haji Abdul Rahman**

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang

dan YBhg Datin Mohaini binti Mohd Safar,

**YB Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
dan YBhg. Datin Zuraida binti Dahari,

**YBhg Datuk Hakimah binti Mohd. Yusoff**  
Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Merangkap Pengerusi Jemaah Hakim, Majlis Tilawah dan  
Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 2023,

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

**Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat,  
YBhg Dato'-Dato' dan Datin-Datin,  
Wakil-Wakil Negeri Seluruh Malaysia,  
Semua Hakim dan Peserta Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran,  
Tuan-Tuan, Puan-Puan, Muslimin dan Muslimat yang saya hormati  
sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang telah bermula sejak 11 Jun 2023 yang lalu. Semoga penganjuran majlis ini diberkati dan direhdai oleh Allah SWT.
  
2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kerana telah memilih Negeri Pulau Pinang sebagai tuan rumah bagi majlis pada tahun ini. Setulusnya, saya merasa sangat berbesar hati dan Insya-Allah, Pulau Pinang akan sentiasa komited untuk terus memberikan sokongan kepada program dan aktiviti keagamaan yang menjurus kepada usaha-usaha memperkasakan kerohanian individu, masyarakat dan negara.
  
3. Penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran, sama ada di peringkat negeri, kebangsaan atau pun antarabangsa pada setiap tahun bukan semata-mata sebagai memenuhi jadual program rasmi agama. Bahkan ia sebenarnya merupakan platform utama untuk meninggikan syiar Islam melalui penghayatan al-Quran.

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, al-Quran ialah kalam Allah SWT dan juga merupakan mukjizat kepada Rasulullah SAW. Membacanya sahaja telah menjadi satu ibadah. Ia telah diturunkan sejak lebih 1,400 tahun dahulu sebagai petunjuk dan pedoman kepada manusia khususnya umat Islam dalam mengatur kehidupan sebagaimana maksud al-Quran, surah al-Baqarah, ayat 185:

*“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah”.*

5. Isi kandungan al-Quran jelas sekali bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia dan menyediakan jawapan kepada semua persoalan berkaitan hidup sama ada di dunia atau pun akhirat.

6. Panduan dan petunjuk-Nya ada yang bersifat umum dan ada yang bersifat khusus serta terperinci. Oleh sebab itu, isi kandungan al-Quran sarat dengan rujukan, tuntutan dan dorongan terhadap umat Islam supaya menuntut ilmu, mempelajari, menganalisa dan menganjurkan penggunaan akal yang maksimum. Faktor ini kemudiannya menjadi pendorong dan penggerak yang telah memperkembangkan Islam dalam pelbagai lapangan keilmuan sehingga akhirnya melahirkan kegiatan keintelektualan Islam yang dinamis, dinamik dan kreatif.

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

7. Sejarah telah membuktikan mengenai peranan dan fungsi penting al-Quran sebagai sumber rujukan utama. Ternyata bahawa sejak al-Quran diturunkan, ia telah berjaya mengubah landskap sejarah manusia daripada kehidupan *jahiliyyah* yang hidup tanpa sebarang peraturan dan sistem akhlak sehingga menjadi umat terbaik dan dicontohi dalam segala bidang.

8. Penghayatan terhadap ajaran al-Quran ternyata mampu membangunkan kekuatan rohani, menggerakkan secara aktif kekuatan fizikal dan mental sehingga mencipta kegemilangan tamadun yang merentasi zaman. Sejarah kegemilangan Islam ini wajar dinilai, diambil pengajaran dan digilap semula supaya sejarah bukan hanya tinggal sebagai sejarah. Yang baik kita jadikan teladan dan yang buruk sebagai sempadan. Jadikan sejarah sebagai pemangkin dan pencetus semangat untuk terus berjuang mencipta kegemilangan dalam kehidupan. Pastinya perjuangan ini perlu berpaksikan penghayatan terhadap ajaran al-Quran sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan umat Islam pada era kegemilangan berkenaan.

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

9. Bertepatan dengan tema majlis kita pada tahun ini iaitu **Al-Quran Teras Masyarakat Madani**, saya mengajak semua, termasuk mengingatkan diri saya sendiri, agar menjadikan alQuran bukan sekadar bahan bacaan rutin sehari-hari, namun diterjemahkan pada perkataan, tindakan dan imej seorang muslim sejati.

Bukan sekadar itu, antara ciri generasi Qurani adalah mereka yang sentiasa memupuk kecintaan terhadap ilmu dan memakmurkan masyarakat dengan perkara-perkara yang baik dan mulia.

10. Dalam konteks ini, tiga (3) teras agama Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak hendaklah dihayati dengan baik bagi mencapai taqwa dan mardhatillah yakni redha Allah SWT di dunia dan akhirat.

11. Dalam usaha memenuhi tuntutan ini, bukan sesuatu yang mudah. Realitinya, sebahagian manusia hari ini semakin jauh daripada petunjuk al-Quran. Justeru itu, saranan yang sentiasa dilaungkan untuk membudayakan al-Quran dari segi pembacaan, pemahaman, penghayatan, penyebarluasan dan pengamalan wajar sekali disambut baik oleh semua golongan umat Islam, agar kebenaran al-Quran itu sendiri tidak diingkari. Allah SWT telah mengingatkan melalui al-Quran dalam surah al-Baqarah, ayat 208 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya, dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu”.*

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

12. Marilah sama-sama kita meneliti dan mengamati kepada kenyataan global pada hari ini. Dalam dunia yang serba tidak menentu, ditandai dengan kerumitan (complexity), percanggahan (contradiction), kekacauan (chaos) dan keserentakan (simultaneity), suatu kerangka strategik yang komprehensif dan bersistematik haruslah dibangunkan bagi mengemudi sesebuah negara. Kadang-kadang kita alpa dan lalai kepada pesanan Allah SWT supaya kita kembali kepada al-Quran sebagaimana firmanya yang bermaksud;

*“Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya”. (Surah Al-Israa’, ayat 82).*

13. Justeru itu, tujuan di sebalik majlis yang kita adakan ini, bukan sekadar untuk mendengar kemerduan Qari dan Qariah mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran, tetapi untuk kita lebih menghayati intisari dan intipati al-Quran agar dapat dipraktikkan dalam kehidupan harian kita sebagai rakyat Malaysia.

14. Secara realitinya, masyarakat kini amat memerlukan usaha dakwah yang berterusan tanpa mengenal putus asa. Ia juga hendaklah dilakukan secara lebih kreatif oleh semua pihak dengan mengambil kira situasi sasaran dan perkembangan teknologi semasa. Begitu juga cabaran dari aspek akidah, keruntuhan moral serta akhlak dalam kalangan masyarakat. Kegagalan atau kurangnya penghayatan terhadap ajaran al-Quran perlu dirawat segera. Sekiranya kita gagal mencegahnya, maka ia sudah pasti akan menjadi penghalang kepada usaha mengembalikan kegemilangan Islam dan pembentukan Masyarakat Madani yang dicita-citakan. Tugas sebagai *da'ie* atau pendakwah ini bukanlah tugas individu atau jabatan tertentu sahaja, bahkan setiap muslim yang *mukallaf* sebagai agen penyebar kebaikan.

15. Oleh yang demikian, ayuhlah kita bersatu dalam roh Jemaah, yakni bekerja secara berpasukan dengan menggembung ilmu dan kepakaran mengikut bidang, posisi dan peranan masing-masing. Bersatu teguh bercerai roboh sepetimana sabda Rasulullah SAW melalui hadis yang bermaksud:

*“Orang mukmin itu dengan mukmin yang lain adalah laksana satu bangunan, bahagian yang satu menguatkan bahagian yang lain”.*

(Hadis Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

16. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun ini yang telah terpilih mewakili negeri masing-masing. Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Kebangsaan kali ini. Juga kepada hadirin, hadirat, pegawai-pegawai kerajaan yang memberikan komitmen dan meluangkan masa hadir bermula pada 11 Jun 2023 sehingga malam ini. Tidak lupa juga kepada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat yang telah mengambil bahagian di ruang pameran. Semoga Allah SWT memberkati dan meredhai kehidupan kita sepenuhnya bersama al-Quran al-Karim.

17. Dengan ini, dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*